

04/11/1999

Sokongan pertubuhan Cina ikhlas

DUA pertubuhan terbesar masyarakat Cina - Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM) kelmarin menyatakan pendirian yang jelas mengenai kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sikap ACCCIM, gabungan yang mengandungi 17 dewan perniagaan Cina mewakili lebih 20,000 syarikat manakala FCAM, badan induk 13 dewan Perhimpunan Cina iaitu gabungan 5,000 persatuan Cina dengan kira-kira 100,000 ahli, tidak boleh dipandang ringan. Selain menyokong segala tindakan dan langkah kerajaan dalam menangani cabaran ekonomi, mereka berikrar untuk menentang segala bentuk ancaman terhadap keutuhan, kedaulatan dan kepemimpinan negara.

Kumpulan ini sebenarnya tidak memerlukan banyak bantuan kerajaan. Mereka hidup dan maju atas usaha sendiri tanpa mengharapkan terlalu banyak ehsan daripada kerajaan. Oleh itu, sokongan mereka bolehlah dianggap ikhlas. Bagi pertubuhan ini, mereka sebenarnya melakukan tugas yang baik untuk negara dan rakyat.

Walaupun sekali mereka pernah membuat desakan, ia adalah perkara biasa yang boleh diselesaikan secara rundingan. Hakikatnya, dua kumpulan itu tidak terbabit dalam 17 tuntutan yang ditimbulkan oleh 11 ahli gabungan FCAM baru-baru ini. Sekurang-kurangnya pertemuan dengan Dr Mahathir menjelaskan pendirian mereka mengenai perkara itu.

Sebagaimana dijelaskan oleh Timbalan Setiausaha Agung ACCIM, David Chua, yang bertindak sebagai jurucakap dua kumpulan itu, sekarang bukanlah masanya untuk berbuat demikian. Sikap yang diambil oleh dua pertubuhan itu amat dipuji kerana ia dilakukan berasaskan semangat sayangkan negara. Tidak ada jalan lain lagi untuk menyelamatkan negara ini melainkan setiap individu perlu bersikap bertanggungjawab. Jika berlaku keadaan yang tidak diinginkan di negara ini, segala jentera akan lumpuh. Rakyat tidak boleh menjalankan tugas dengan sempurna manakala peniaga tidak dapat menjalankan urusan masing-masing sebagaimana biasa. Itu sebabnya mereka mengadakan rundingan dengan Dr Mahathir untuk menghuraikan sebarang kekusutan. Sikap dua pertubuhan itu perlu dijadikan teladan oleh pertubuhan lain. Mereka tidak seharusnya terikut-ikut dengan telatah parti-parti pembangkang yang mempunyai motif untuk merampas kuasa kepemimpinan negara hari ini.

Pertubuhan-pertubuhan bukan politik seharusnya menilai kemajuan dan kejayaan yang mereka capai hari ini. Segala-galanya adalah berpunca daripada keadaan negara yang stabil. Setiap individu sama ada mewakili pertubuhan atau peribadi, mereka harus menilai satu persatu imej pemimpin pembangkang yang lantang bersuara hari ini. Apakah mereka layak menerajui negara ini? Apakah mereka mahu negara ini ditadbir oleh pemimpin Pas yang lebih menonjolkan sikap untuk menghukum.

Bagi Pas, seolah-olah tidak ada orang lain yang selama ini melakukan kebaikan dalam dunia ini. Pemimpin mereka membelitkan kata-kata untuk menarik hati rakyat supaya menyokong mereka. Mereka mengubah pendirian mengikut keadaan. Ketika menghadapi rakyat berbangsa Melayu mereka bercakap mengenai Islam manakala ketika menemui pengundi bukan Melayu, mereka mengubah topik.

Begitu juga, adakah mereka mahu pemimpin DAP yang terkenal dengan sikap perkauman, mengambil alih teraju kepemimpinan negara ini. Dalam beberapa pilihan raya lalu DAP ditolak oleh rakyat. Ini kerana rakyat tidak yakin dengan kebolehan pemimpin parti itu. DAP tidak sedikit pun mengubah

ideologi parti itu. Oleh itu, tidak ada sebab rakyat menerima mereka dalam mana-mana pilihan raya sekali pun.

Apakah pula jasa pemimpin muda dalam Parti Keadilan Nasional (Keadilan) hingga rakyat mahu memahkotakan mereka ke tahap paling tinggi sedangkan kebolehan mereka hanyalah mencerca pemimpin kerajaan semata-mata. Parti ini tidak mempunyai ideologi selain berjuang untuk membebaskan pemimpin mereka.

Seterusnya apakah rakyat yakin dengan ideologi Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang hanya kelihatan aktif menjelang pilihan raya. PRM sepatutnya sudah berkubur, tetapi disebabkan mendapat semangat baru daripada parti-parti pembangkang lain, ia hanyalah ibarat melukut di tepi gantang.

Sudah sampai masanya pertubuhan bukan politik membuat pendirian yang jelas dan membandingkan kemampuan kerajaan Barisan Nasional (BN) hari ini dengan parti-parti pembangkang lain bagi mengelakkan mereka membuat perhitungan yang salah yang akan menyebabkan seluruh rakyat merana.

(END)